

Pendekatan Street Dakwah kepada Bukan Islam dalam Kalangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang (Tahap Kefahaman Pendakwah Mengenai *Street Dakwah*)***Street Approach to The Non-Muslims in Muslim NGOs in Pulau Pinang (Stepper Failure Level of Street Dakwah)*****Mohamad Nasir B Noor Azemy^{1*} dan Dr. Rosmawati Bt. Mohamad Rasit²**

1. Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Dakwah & Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tel. 0194216955. E-mail: nasirlibrary@yahoo.com
2. Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tel. 03-89215528 E-mail: rosmawati@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung Mohamad Nasir B Noor Azemy Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Dakwah & Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia. Tel. 0194216955. E-mail: nasirlibrary@yahoo.com

Artikel diterima: 7 Mei 2019

Selepas Pembetulan: 27 Sept. 2019

Diterima untuk terbit: 15 Nov. 2019

Abstrak

Pendekatan aktiviti street dakwah kepada bukan Islam di Pulau Pinang oleh pendakwah NGO Muslim berupaya menarik minat golongan bukan Islam untuk mendekati dan memahami ajaran Islam. Namun sebelum ini, Islam itu sendiri dilihat sebagai agama yang menganjurkan keganasan dan pengamalan cara hidup yang mundur yang menyukarkan usaha dakwah untuk disampaikan kepada mereka. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan street dakwah terhadap tahap kefahaman street dakwah kepada bukan Islam dalam kalangan pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang. Kajian ini juga turut mengkaji aspek pendekatan street dakwah yang digunakan serta mengetahui persepsi pendakwah itu sendiri tentang street dakwah yang telah dijalankan. Kajian ini juga merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23 untuk melihat kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item soalan. Kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan baru terhadap bidang penyelidikan street dakwah kepada bukan Islam. Implikasi kajian ini juga dapat memberi manfaat dalam memantapkan lagi persediaan pendakwah ke arah perlaksanaan aktiviti dakwah yang dijalankan khususnya street dakwah ini.

Kata kunci: kefahaman; pendakwah; *street dakwah*; bukan Islam; NGO Muslim

Abstract

Approach activities street preaching to non-Muslims in Penang by Muslim NGOS capable preacher attracted non-Muslims to approach and understand the teachings of Islam. But prior to this, Islam itself is seen as a religion that organised terrorism and the adoption of

a backward way of life that makes it difficult for Da'wah efforts served to them. Therefore, this study aimed to review the approach street preaching on the level of understanding of street preaching to non-Muslims in Muslim NGOs preacher in Penang. The study also reviewed aspects of the approach street preaching and knowing perception it self about street preachers preaching that were carried out. This study is also a quantitative study using the design of the survey. Data collected using questionnaires and analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23 to see the frequency, percentage and mean foreach item questions. This study is seen contributing towards new areas of interest street preaching to non-Muslims. The implications of this research can also benefitin further preparation for missionary activity towards preacher implement conducted this particular street preaching.

Keywords: *understanding; preacher; street dakwah; non-Muslims; Muslim NGOS*

1.

Pengenalan

Menurut Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim (2000), Islam merupakan agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia serta turut membincang dan mengiktiraf segala bentuk persoalan yang berkaitan dengan bukan Islam dari segi pendekatan dakwah yang digunakan ke atas mereka. Tugas menyeru dan berdakwah kepada bukan Islam ini telah pun dimulakan oleh Rasulullah SAW lagi, selaku perintis utama dan diteruskan sehingga kini agar menerima ajaran Islam daripada terus hidup dalam kesesatan. Malah, menurut Zulkefli Aini (2015), sebagai umat Rasulullah SAW, seharusnya perlu meneruskan perjuangan dakwah baginda SAW. Ini adalah kerana dakwah merupakan sunnah terbesar yang ditinggalkan oleh baginda SAW untuk umatnya melakukan dakwah agar setiap manusia di dunia ini mendapat mengetahui kebenaran tauhid yang sebenar. Maka pelaksanaan dakwah perlu menghadapi perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat yang memerlukan kepekaan pendakwah dalam menangani perubahan tersebut. Oleh hal demikian, menurut Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim lagi (2008), satu mekanisma dan strategi dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah terhadap golongan bukan Islam ini perlu dipelbagaikan seiring kehendak perkembangan dunia pada masa kini, khususnya terhadap kefahaman mereka pada ajaran Islam. Hal ini kerana banyak elemen yang perlu diberi perhatian bukan sahaja berkaitan perbezaan agama, bahkan perbezaan kaum, adat tradisi, nilai hidup budaya juga turut mempengaruhinya dalam usaha kearah dakwah. Selain itu, tambahan Ghazali Basri (2004), menurutnya pendekatan penyampaian dakwah kini juga sangat mencabar dengan realiti kehidupan masyarakat sekarang yang moden ditambah pula dengan gerakan pengkristianan yang aktif yang dilakukan oleh pihak kristian dan agama-agama lain bagi menarik masyarakat kepada agama mereka. Maka, satu kajian akan dilakukan kepada pendakwah Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Muslim di Pulau Pinang. Kajian ini khususnya adalah bagi meneliti realiti semasa perkembangan pendekatan *street dakwah* kepada bukan Islam yang di jalankan oleh NGO Muslim tersebut dalam usaha menyeru mereka kepada Islam. Hal ini bersesuaian sebagaimana maksud Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

(Al-Qur'an, Surah Ali-'Imran 3:104)

Merujuk tafsiran ayat di atas, Hamka (1999), menjelaskan bahawa nikmat Islam telah menimbulkan persaudaraan, menjinakkan hati dan membawa kejalan yang benar, maka perlulah ada satu golongan umat yang menyeru kepada ajakan dakwah berbuat kebaikan, menyuruh yang makruf dan mencegah serta melarang perbuatan mungkar yang dibenci dan tidak diterima. Malah, jika seruan berbuat kebaikan seluruh masyarakat umumnya menyetujui, membenarkan dan memuji. Akan tetapi jika sebaliknya masyarakat akan menolak, membenci dan tidak menyukainya. Lantaran itu, umat

Islam perlu bekerja keras menggerakkan manusia kepada makruf dan menjauhi yang mungkar supaya masyarakat itu bertambah tinggi nilainya. Sesungguhnya ajakan kepada ma'rif dan mencegah kemungkaran itu adalah dakwah. Dengan adanya umat yang berdakwah agama Islam itu menjadi hidup.

2. Latar belakang Kajian

Menurut Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim (2008), salah satu ciri khusus bagi agama Islam ialah bersifat sejagat dan membawa misi risalah Allah SWT untuk umat manusia. Justeru, ianya membawa misi dakwah yang berterusan hingga ke akhir zaman. Misi dakwah ini hanya akan berlaku sekiranya ia difahami sebagai suatu kewajipan dan tanggungjawab syarak yang mesti dipikul oleh setiap Muslim. Selain itu, dakwah juga berfungsi sebagai tanggungjawab sosial yang sentiasa memerlukan orang yang lebih pakar mengenai bidang tertentu dalam menjalankan aktiviti hidup termasuk perkara syarak yang telah digariskan oleh Allah dalam al-Qur'an dan dihuraikan oleh Rasulullah dalam al-Hadis. Bermula dari Nabi Adam AS hingga ke Rasulullah SAW, tugas yang mulia ini juga diwajibkan kepada setiap orang muslim melaksanakannya pada bila-bila masa dan di mana sahaja, terutamanya mengajak golongan bukan Islam untuk menyembah Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa. Aktiviti dakwah yang digerakkan oleh pendakwah adalah satu usaha yang murni dalam melaksanakan misi dakwah khususnya kepada bukan Islam. Akan tetapi usaha ini akan menjadi sukar sekiranya tahap kefahaman pendakwah masih di tahap yang rendah dan kabur dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah yang sesuai kepada bukan Islam khususnya.

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2012), antara hasil aktiviti dakwah yang boleh dilihat daripada gerakan dakwah di Pulau Pinang adalah bertambahnya bilangan saudara baru. Bilangan saudara baru ini meningkat bagi setiap tahun. Sebagai contohnya, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Unit Ukhuwwah Bahagian Dakwah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, jumlah saudara baru dari tahun 2006 hingga 2011 adalah seramai 1556 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 454 orang adalah berbangsa Cina, 471 orang berbangsa lagi adalah India dan 631 orang lagi mewakili bangsa lain-lain. Ini menunjukkan bahawa perkembangan agama Islam dan pertambahan saudara baru semakin berkembang dan diterima oleh bangsa dan agama lain. Hasil daripada statistik ini, maka satu kajian akan dijalankan bagi melihat, menilai dan menganalisis pendekatan *street dakwah* yang digunakan oleh pendakwah kepada bukan Islam tersebut. Sehubungan dengan itu, menurut kenyataan Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim (2000), semua pihak sama ada agensi-agensi kerajaan dan NGO Muslim yang bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap hal ehwal keislaman perlu mencari modus operandi yang sesuai untuk menggiatkan penyebaran mesej positif dakwah yang sesuai dengan fitrah manusia.

3. Pernyataan Masalah

Menurut Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2009), terdapat usaha dan kegiatan dakwah yang dijalankan di Malaysia ini menampakkan lebih tertumpu kepada kegiatan yang berada dalam lingkungan umat Islam sahaja. Bahkan, banyak masa dihabiskan kepada kegiatan ceramah dan lain-lain aktiviti dakwah ke arah memberikan kesedaran dan mempertingkatkan kefahaman ajaran Islam kepada masyarakat Islam itu sendiri. Namun, usaha dan seruan kepada masyarakat bukan Islam supaya mendengar dan memahami ajaran Islam agak minima walaupun terdapat usaha ke arahnya. Pendekatan ini lebih bersifat dakwah dalaman dan kurangnya bersifat dakwah luaran yang disampaikan oleh pendakwah. Justeru, kefahaman pendakwah terhadap aplikasi pendekatan dakwah khususnya kepada bukan Islam perlu dilakukan secara sistematik, efektif, terancang, berterusan dan lebih agresif bagi memastikan keberkesannya.

Oleh hal demikian, menurut Ab. Aziz Mohd Zain (2001), pula menjelaskan pendakwah yang berjaya perlulah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh sasarannya terlebih dahulu sebelum memulakan dakwahnya supaya apa yang dilakukannya itu lebih tepat dan sesuai. Gaya persembahan isi perlulah kreatif di mana isi kandungan yang disampaikan dalam bentuk mengajak berfikir, cerita, perbandingan, keras dan pujukan, rangsangan dan lain-lain yang tujuannya supaya dapat menarik minat dan pengaruh kepada sasaran terhadap mesej atau maksud dari kandungan atau isi yang disampaikan. Saluran dan media dakwah juga merupakan alat untuk menyampaikan isi atau mesej untuk sasaran dakwah. Antara contoh saluran dan media dakwah yang digunakan oleh Rasulullah SAW ialah hubungan perseorangan, al-hadis, al-Qur'an, ucapan nabi, tulisan dan pendakwahan.

Walau bagaimanapun, pendekatan *street dakwah* hari ini perlulah di dedahkan dengan lebih baik dan mesra terhadap sasaran dakwah kepada bukan Islam. Menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), menyatakan gerakan Islam kini seharusnya meneroka ke arah dakwah dalam kalangan orang bukan Islam dengan cara berhikmah. Masyarakat bukan Islam kini ditanggapi oleh gambaran-gambaran yang negatif mengenai agama Islam. Oleh itu, peranan pendakwah mestilah menyampaikan dakwah kepada mereka sambil mengukuhkan lagi kekuatan ilmu dalam kalangan umat Islam. Kegembelengan tenaga ilmuan dalam proses membina kekuatan ilmu akan memberi saham yang cukup besar dalam proses Islamisasi. Malangnya, sehingga kini umat Islam kurang peka dalam hal ini malah mereka lebih tertumpu ke arah medan yang dinamakan krisis nilai iaitu masalah dalaman umat Islam itu sendiri. Rentetan daripada itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng (2009), merumuskan bahawa persepsi orang bukan Islam dalam kalangan bangsa Cina terhadap Islam adalah salah faham dan tidak benar. Sebahagian besar dari mereka menafikan bahawa Islam adalah sebagai cara hidup, tidak tahu tentang rukun Islam dan menafikan Rasulullah SAW itu adalah Rasul serta menganggap Islam adalah sama seperti agama-agama lain. Selain itu, menganggap Islam adalah agama ketinggalan zaman.

Tambahan lagi, Menurut Abd Ghani Samsudin (2002), media massa tempatan dan di luar negara tidak henti-henti menyiarkan rencana, pemberitaan dan komen-komen yang memburukkan Islam. Mereka mengguna pakai istilah yang sengaja mengaitkan Islam dengan perbuatan jenayah, ganas, bermuslihat dan sebagainya untuk menutup mata terhadap perlakuan ganas rejim penjenayah, Israel dan negara kuasa besar yang sering melakukan keganasan terhadap negara-negara kecil dunia. Dalam masa yang sama mereka menggunakan prasarana undang-undang antarabangsa dan institusi antarabangsa untuk mengekang kebangkitan negara-negara Islam. Oleh itu kesan daripada apa yang disiarkan dan pemahaman masyarakat dunia terhadap Islam, maka adalah sukar bagi pendakwah untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat telah mempunyai pandangan negatif terhadap Islam. Melalui Islam fobia ini, para pendakwah semakin sukar bagi mendekati masyarakat bukan Islam dan mereka lebih suka menjauhkan diri daripada masyarakat Islam. Oleh itu penting bagi para pendakwah berusaha untuk mendekati golongan bukan Islam bagi menyampaikan dakwah seterusnya menjelaskan kepada mereka keadaan yang sebenarnya. Hal ini kerana pemahaman yang betul mengenai Islam harus disebar untuk menghilangkan keraguan masyarakat bukan Islam.

Antara lain, menurut Zulkifli Aini (2015), pula menyatakan pendekatan aktiviti *street dakwah* di negara ini telah dijalankan sejak tahun 2011 oleh NGO Muslim. Melalui bantuan perkembangan telekomunikasi dan media, aktiviti ini telah menjadi satu fenomena positif yang dilihat mampu membantu penyebaran agama Islam di negara ini. Ketika ini, banyak NGO Muslim yang menjalankan aktiviti *street dakwah* ini. Namun, isu-isu yang sering diutarakan oleh masyarakat bukan Islam perlu dikenalpasti bagi memudahkannya untuk menjawab segala ketidakhafahaman yang ada. Hal ini penting bagi memastikan para sukarelawan mempunyai persediaan mental dan emosi semasa menjawab soalan-soalan yang akan diajukan oleh masyarakat bukan Islam atau prospek berkenaan. Adalah sukar untuk menarik minat golongan bukan Islam ini untuk hadir ke masjid dan surau bagi mengetahui tentang ajaran Islam. Justeru itu, langkah mengadakan aktiviti *street dakwah* ini mampu mendekati mereka yang ingin mendapatkan mesej mengenai Islam. Walau bagaimanapun, aktiviti ini juga perlu dijalankan di kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan panas iaitu kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat bukan Islam mahupun Islam seperti di Bukit Bintang, Masjid Jamek, KLCC dan pusat membeli belah. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan jumlah masyarakat bukan Islam yang lebih ramai mengunjungi kawasan tersebut dan hal ini akan memudahkan aktiviti *street dakwah* kepada golongan bukan Islam ini.

4. Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

1. Apakah tahap kefahaman pendakwah terhadap *street dakwah*.

5. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan 1 objektif utama iaitu:

1. Menenalpasti tahap kefahaman pendakwah mengenai *street dakwah*

6. Metodologi Kajian

6.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2014), dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian. Di dalam sesuatu kajian yang hendak dijalankan, ianya memerlukan reka bentuk kajian yang kukuh. Hal ini penting kerana ianya dapat menjawab persoalan kajian apabila maklumat-maklumat yang didapati boleh diguna pakai dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu reka bentuk kajian tinjauan melalui metod soal selidik untuk mengumpul data-data bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan. Pengkaji telah turun ke lapangan kajian untuk mencari dan mengumpul serta menganalisis data daripada responden. Maklumat-maklumat daripada kajian ini diperolehi daripada soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan objektif kajian.

6.2 Prosedur Persampelan Kajian

Merujuk kepada Hansen H.H & Hauser H, P.M (1971), beberapa pertimbangan digunakan untuk mereka bentuk sampel yang akan digunakan dalam kajian ini. Di antara yang terpenting ialah dapat meminimumkan kos, kebolehpercayaan dapatan daripada sampel dan mencakupi elemen-elemen dalam populasi yang diwakili oleh sampel. Penggunaan sampel akan mengurangkan kos, tenaga dan masa penyelidikan. Pemilihan sampel kajian pula adalah memfokuskan kepada golongan pendakwah. Bagi kaedah pemilihan sample kajian ini adalah dengan menggunakan kajian kaedah tinjauan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pendakwah terhadap aplikasi pendekatan *street dakwah* yang digunakan kepada bukan Islam. Kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik dan responden dipilih terdiri daripada pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang sebagai persampelan kajian. Terdapat 8 NGO Muslim yang terlibat dalam aktiviti *street dakwah* di Pulau Pinang. Di antaranya ialah IPSI, IKHRAM, MAKMA, HALUAN, Hidayah Centre dan sebagainya. Namun, bagi mendapatkan sampel yang sesuai, pengkaji telah menetapkan bilangan responden seramai 60 pendakwah daripada 3 NGO Muslim iaitu IPSI, Pertubuhan Dakwah Islamiah dan HALUAN. Kajian ini menggunakan persampelan probabiliti iaitu persampelan bertujuan. Merujuk kepada Khairuddin Mohamad et al. (2016), lagi Persampelan tujuan ini merujuk kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji. Ini bermakna tidak semua kajian lain dalam populasinya dipilih oleh pengkaji sebagai responden di dalam kajian tersebut.

Jadual 3.1: Taburan keseluruhan sampel dalam kajian

Bil	Senarai NGO Muslim Pulau Pinang	Bil sampel
1.	Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)	20
2.	Pertubuhan Dakwah Islamiah	20
3.	Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)	20
	Jumlah Keseluruhan Sampel	60

6.3 Kaedah Pengumpulan Data

Menurut Ahmad Sunawari Long (2011), menyatakan bahawa pengumpulan data adalah maklumat penting digunakan untuk membantu menyempurnakan objektif kajian. Oleh itu, kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan edaran borang soal selidik yang dijalankan ke atas responden. Kaedah pengedaran soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Ia digunakan bersama dengan kaedah-kaedah lain seperti pemerhatian dan temu bual bagi menguatkan

lagi maklumat penyelidikan. Bagi memastikan kesahan data itu tepat penyelidik akan memberi keutamaan kepada sumber primer dahulu sebagai contoh tafsiran ayat al-Qur'an dan al-Hadis.

6.4 Penganalisan Data

Antara kaedah penganalisan data yang akan digunakan dalam kajian adalah dengan menggunakan kaedah analisis data kuantitatif. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), data kuantitatif merujuk kepada maklumat bersifat angka atau ukuran sesuatu objek. Data kuantitatif pada umumnya bersumberkan kepada tiga perkara iaitu banci, sampel dan perangkaan penting. Malah tambahan Idris Awang (2001), data dalam penyelidikan kuantitatif adalah dalam bentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan kaedah tertentu, soal selidik misalnya, ke atas sampel atau sampel-sampel yang dibentuk dengan cara tertentu. Selain itu, analisis data ini adalah proses organisasikan data kajian kepada kategori dan analisis asas deskriptif. Merujuk Nordin et al. (2015), analisis frekuensi digunakan untuk mengetahui min, nilai minimum dan maksimum bagi setiap jawapan. Ia juga bertujuan untuk membersihkan data yang tersilap taip atau kesilapan memasukkan data. Analisis tersebut juga membolehkan peratusan jawapan setiap skala apa soalan yang diperoleh. Analisis deskriptif ini juga digunakan pada setiap bahagian bagi mengetahui tahap kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai yang terdapat pada kesemua item yang dibina menerusi instrumen soal selidik disamping penganalisan data dan seterusnya diolah dalam bentuk jadual. Statistik deskriptif ini adalah digunakan untuk mengumpul, menyusun dan mempersembahkan data supaya data yang diperoleh memberi gambaran dan maklumat yang jelas dan bermakna.

6.5 Instrumen Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah pemungutan data secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian ini. Menurut Louis Cohen et al. (2007), Skala Likert merupakan skala yang popular sebagai indikator pengukuran dan sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan responden terhadap kajian yang dijalankan. Malah menurut Chua Yan Piaw (2014), mencadangkan bahawa indeks seharusnya dibina dengan menambah item-item yang berkaitan dengan sesuatu konsep. Skala Likert yang digunakan dengan meluas dalam penyelidikan, terutamanya dalam kajian-kajian sains sosial dan pendidikan. Di dalam instrumen kajian ini, responden diminta untuk memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) mengikut Skala Likert yang diberikan.

7. Hasil Kajian Tahap Kefahaman Pendakwah Mengenai *Street Dakwah*

Di bahagian ini adalah tahap kefahaman responden mengenai *street dakwah* yang dinilai berdasarkan taburan jawapan responden mengikut peratusan dan skor min. Ia meliputi 12 item mengenai aspek pengetahuan responden berkaitan tahap kefahaman pelaksanaan *street dakwah* terhadap pendekatan dakwah yang dijalankan kepada bukan Islam. Dapatan kajian dalam jadual 4.3 ini menunjukkan tahap skor yang tinggi. Ini dibuktikan melalui jawapan yang diberikan oleh responden terhadap 12 item pembolehubah yang ditanyakan kepada mereka. Secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan majoriti keseluruhan responden bersetuju berada pada tahap yang tinggi (min=4.74) bahawa kefahaman mengenai pelaksanaan *street dakwah* perlu ada pada setiap pendakwah dalam melaksanakan aktiviti dakwah khususnya kepada bukan Islam.

Jadual 4.2 Taburan peratusan, min dan sisihan piawai tahap kefahaman pendakwah tentang konsep *street dakwah*.

Bil	Pernyataan	Peratusan (%) & Kekerapan(N)					Min	S.P	Tahap Interper tasi
		STS	T S	TP	S	SS			

1	<i>Street dakwah</i> mendekati sasaran dakwah yang ingin mendapatkan mesej Islam secara bersemuka	0	0	0	43.3	56.7	4.57	0.5	Tinggi
2	<i>Street dakwah</i> memerlukan persiapan ilmu yang cukup untuk menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran dakwah.	0	0	0	23.3	76.7	4.77	0.427	Tinggi
3	<i>Street dakwah</i> telah dilakukan pada zaman Rasulullah dengan menyampikan kebenaran Islam di depan Ka'bah dan menyantuni masyarakat di jalanan tanpa putus asa.	0	0	0	23.3	76.7	4.77	0.427	Tinggi
4	<i>Street dakwah</i> boleh menggunakan pendekatan secara berhikmah untuk menyampaikan mesej dakwah, nasihat yang baik dan juga mujadalah.	0	0	0	33.3	66.7	4.67	0.475	Tinggi
5	<i>Street dakwah</i> memerlukan pendakwah bersedia dengan penguasaan bahasa yang baik khususnya Bahasa Inggeris untuk menyantuni sasaran dakwah bukan Islam	0	0	0	26.7	73.3	4.73	0.446	Tinggi
6	<i>Street dakwah</i> memerlukan pendakwah menguasai kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan.	0	0	0	20	80	4.8	0.403	Tinggi
7	Bahan-bahan dakwah turut diedarkan secara percuma kepada orang ramai seperti terjemahan al-Qu'ran, risalah-risalah Islam, pamflet, hadiah dan buku yang berkaitan dengan Islam.	0	0	0	31.7	68.3	4.68	0.469	Tinggi

8	<i>Street dakwah</i> merupakan platform dalam penyampaian mesej dakwah secara menghiburkan dengan menggunakan beberapa elemen hiburan seperti persembahan muzik jalanan (busking), penyampaian mesej dan informasi secara lisan (motivasi dan puisi).	0	0	0	26.7	73.3	4.73	0.446	Tinggi
9	<i>Street dakwah</i> dapat memupuk kesedaran masyarakat Islam untuk sentiasa peka akan isu-isu semasa yang melibatkan agama Islam ataupun tidak dengan secara tidak langsung.	0	0	0	43.3	56.7	4.57	0.5	Tinggi
10	<i>Street dakwah</i> dijalankan di kawasan yang menjadi tumpuan ramai bagi memudahkan proses dakwah dijalankan	0	0	0	13.3	86.7	4.87	0.343	Sederhana
11	<i>Street dakwah</i> mempamerkan watak pendakwah sebagai watak Islam sebenar yang memberi kesan positif terhadap nilai-nilai Islam.	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi
12	<i>Street dakwah</i> menyediakan pendakwah yang menjaga pakaian yang sesuai dengan imej mereka.	0	0	0	21.7	78.3	4.78	0.415	Tinggi
Jumlah								4.74	Tinggi

STS - Sangat Tidak Setuju
 TS - Tidak Setuju
 TP - Tidak Pasti
 S - Setuju

SS - Sangat Setuju

S.P - Sisihan Piawai

Secara puratanya, nilai min yang paling tinggi item dalam bahagian B ini boleh dilihat pada item 8 iaitu nilai (min=4.87) sepertimana pernyataan "*Street dakwah adalah aktiviti dakwah pelbagai yang perlu dijalankan di kawasan yang menjadi tumpuan ramai bagi memudahkan proses dakwah dijalankan*". Hal ini sebanyak 13.3 peratus responden bersetuju manakala 86.7 peratus lagi sangat bersetuju pada kenyataan item tersebut. Sementara itu, menurut Mohd Shah Che Ahmad (2015), dahulu dakwah itu dilihat janggal, malah dirasakan rimas ketika ingin didekati. Namun, kaedah pelaksanaan *street dakwah* kini semakin mendapat tempat dalam kalangan pendakwah dan juga masyarakat awam. Membawakan pendekatan serta penampilan kontemporari, menjadikan misi yang dibawa oleh golongan sukarelawan yang turun padang untuk menyampaikan dakwah di kawasan umum itu semakin mudah diterima oleh golongan bukan Islam. Bukan sahaja dilakukan oleh NGO Muslim, malah usaha itu turut mendapat kerjasama yang menggalakkan dari institusi masjid, pusat pengajian tinggi serta individu bagi bersama-sama mengadakan kaedah baharu *street dakwah* itu. Ini merupakan perubahan positif terhadap transformasi dakwah di negara ini dalam usaha memberi pendedahan terhadap agama Islam, di samping mengajak lebih ramai masyarakat kembali kepada ajaran Islam dan orang bukan Islam untuk memeluk Islam. Menerusi kaedah dakwah ini, pendakwah sendiri turun padang ke tempat awam dan berjumpa terus kepada orang ramai dengan pelbagai latar belakang. Ini membolehkan dakwah disampaikan dengan lebih terbuka dan meluas.

Pada pernyataan tersebut ianya disokong oleh Zulkifli Aini (2015), menyatakan perkembangan Islam di seluruh dunia adalah hasil kesungguhan Rasulullah SAW menyeru seluruh umat manusia untuk kembali mentauhidkan Allah SWT dan melakukan kebaikan serta kebajikan kerana Allah SWT. Usaha yang dilakukan Rasulullah SAW ini bertepatan dengan maksud Firman Allah SWT:

Dan siapa yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata, "Sungguh, aku termasuk orang-orang muslim (yang berserah diri)

(Al-Qur'an, Surah al-Fussilat, 41:33).

Merujuk kepada tafsiran ayat di atas, Hamka (1999), ayat ini bersifat pertanyaan, tetapi pertanyaan yang mafhumnya sendiri telah memberikan jawapannya. Iaitu bahawa tidaklah ada orang yang lebih baik jika ia berkata dengan perkataan yang berisi dakwah yang mengajak ke jalan yang benar. Malah perkataan dan ajakan itu diiringi dengan amalan yang soleh, perkataan yang baik dan bermanfaat untuk semua. Sesungguhnya tiada pekerjaan yang lebih mulia selain menyeru kepada dakwah.

Antara lain, menurut Zulkifli Aini (2015), walaupun ramai yang beranggapan pelaksanaan aktiviti ini adalah baru, namun jika merujuk kembali kepada sejarah penyebaran agama Islam ketika zaman Rasulullah SAW, *street dakwah* telah dilakukan terlebih dahulu oleh Baginda SAW. Baginda menyampaikan kebenaran Islam di depan Ka'bah dan menyantuni masyarakat di jalanan tanpa berputus asa. Melalui pendekatan *street dakwah* ini, ramai masyarakat ketika itu menerima Islam walaupun terpaksa menghadapi cabaran penentangan yang sangat hebat. Mengambil pendekatan yang sama seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu *street dakwah*, ianya telah disesuaikan dengan keadaan di negara ini.

Dilihat pada nilai min kedua tertinggi pula adalah pada pernyataan item ke 6 iaitu iaitu nilai (min=4.80) iaitu pernyataan "*Street dakwah memerlukan pendakwah menguasai kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dalam penyampaian dakwah*". Buktinya, item 6 tersebut menunjukkan sebanyak 20 peratus responden bersetuju dan 80 peratus lagi responden sangat bersetuju. Hal ini merujuk kepada Mustafa Ar-Rafie (2004), di dalam al-Qur'an dan himpunan kitab-kitab hadis terdapat panduan tentang suruhan berbuat kebaikan serta melarang kemungkaran yang merupakan tugas bagi orang yang memikul panji-panji dakwah Islamiah. Mereka ialah orang yang berkeupayaan dalam menyampaikan pengajaran ilmu agama dan memberi kesedaran selain berkemahiran menulis, berpidato dan mengajar secara langsung. Mereka inilah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas dakwah kerana telah ditentukan kedudukan mereka selaku *Ahl*

al-Dzikh. *Ahl al-Dzikh* inilah tergolong dari kalangan pemimpin yang menjalankan tugas dakwah menerusi cara yang berkesan serta terkini. Asas utama dalam berdakwah perlulah ada di antara mereka yang menjadi contoh teladan yang baik (*qudwah al-hasanah*) agar kesan seruan dakwah tersebut berterusan meresap dan hidup dalam hati sanubari. Hakikat seseorang pendakwah yang tidak memiliki contoh teladan yang baik maka ia tidak mampu untuk mengenali hikmah, tidak di beri petunjuk kepada mau'izah dan tidak berakhlak di hadapan sahabat handal dan pengecut apabila berdepan dengan musuh.

Dapatan ini juga turut disokong oleh Abd Karim Zaidan (1976), yang menjelaskan bahawa pendakwah hendaklah memerhatikan kedudukan bahasa atau perkataan yang digunakan dalam penyampaian dakwah, kerana bahasa itu sendiri sangat berkesan dalam jiwa manusia. Bahasa yang jelas, terang serta boleh difahami merupakan alat utama dalam menyampaikan kebenaran. Justeru, pendakwah perlu menghindari perkataan yang sukar untuk difahami dalam konteks sasaran dakwah. Hal ini bertujuan agar ceramah lebih mudah difahami dan lebih dekat kepada masyarakat itu sendiri

Manakala melihat di bahagian ini juga nilai min yang paling rendah adalah pada pernyataan item 1 dan 9. Pada pernyataan item 1 nilai (min=4.57) pada pernyataan "*street dakwah ialah cara mendekati sasaran dakwah yang ingin mendapatkan mesej Islam secara bersemuka*" menunjukkan sebanyak 43.3 peratus responden yang terdiri daripada NGO Muslim bersetuju dan 56.7 peratus lagi sangat bersetuju. Manakala nilai (min=4.57) pernyataan item 9 pula adalah pada pernyataan "*Street dakwah dapat memupuk kesedaran masyarakat Islam untuk sentiasa peka akan isu-isu semasa yang melibatkan agama Islam ataupun tidak dengan secara langsung*" menunjukkan sama banyak dengan nilai min pada item 1 iaitu 4.57 iaitu sebanyak 43.3 peratus bersetuju dan 56.7 lagi sangat bersetuju aktiviti yang dijalankan ini.

Nilai min yang kedua terendah adalah (min=4.67) iaitu pada pernyataan item 4 "*street dakwah yang dijalankan perlu menggunakan pendekatan dakwah secara berhikmah untuk menyampaikan mesej dakwah, nasihat yang baik dan mujadalahhusna*". Sebagaimana merujuk kepada item 4 yang ini menunjukkan sebanyak 33.3 peratus responden bersetuju dan 66.7 peratus lagi responden menyatakan sangat bersetuju. Menurut Halim Mokhtar (2015), pendekatan *street dakwah* perlulah kreatif dan unik untuk pendekatan dakwah kepada golongan bukan Islam disebabkan kejahilan dan salah faham serta persepsi negatif terhadap Islam. Ia juga boleh membuka ruang interaksi masyarakat Islam dan bukan Islam untuk mengenali Islam dengan cara mudah dan santai. Berbekalkan metode dan teknik yang disediakan bagi memulakan dakwah ini pastinya ianya akan menghasilkan natijah yang bermakna.

Melihat daripada dapatan kajian pada item 4 di atas juga, sesungguhnya prinsip asas metode dakwah menurut al-Qur'an ini mempunyai tiga prinsip asas utama yang dilaksanakan oleh semua rasul. Prinsip ini tidak berubah hingga ke hari akhirat. Perubahan ini ialah dari aspek pelaksanaan bergantung kepada keperluan tempat dan situasi semasa. Sehubungan dengan itu juga, merujuk Siti RugayahTibek (2011), ketiga-tiga metodologi *al-hikmah*, *al-mau'izahal-hasanah* dan *al-mujadalahal-husna* dianggap sebagai kerangka utama *uslub*, cara dan gaya pendakwahan yang sesuai untuk diaplikasikan sepanjang masa dan pelbagai tempat. Sebahagian pengkaji ilmu dakwah menyatakan ketiga-tiga kaedah ini dikenali dengan istilah '*manhaj rabbaniyyah*', iaitu merujuk kepada metodologi yang bersumberkan wahyu Allah SWT yang sangat pasti dan mutlak kebenarannya. Berdasarkan konsep ini, metode *al-hikmah*, *al-mau'izah al-hasanah* dan *al-mujadalah al-husna* boleh dikatakan tetap relevan sebagai kerangka teori utama dalam metodologi atau gaya penyampaian dan perlu dijadikan pendekatan utama dalam aktiviti *street dakwah* kini kepada bukan Islam.

Selain itu, menurut Fariza Md. Sham (2015), hal ini bersesuaian dalam al-Qur'an terdapat pelbagai ayat yang menggambarkan tentang pendekatan atau kaedah dakwah yang boleh digunakan oleh pendakwah dalam menyeru kepada Islam dan membimbing manusia kepada kebaikan. Pendekatan yang paling asas ialah seperti yang terdapat dalam Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantulah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih

mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Al-Qur'an, Surah al-Nahl,16:125)

Dari ayat di atas, Hamka (1999), menyatakan bahawa ayat ini menerangkan bahawa Rasulullah SAW menyarankan agar pelaksanaan dakwah atau seruan dakwah kepada manusia ke arah jalan yang benar. Malah dalam usaha ini Rasulullah SAW turut menyarankan tiga metod dalam melaksanakan seruan dakwah tersebut iaitu secara hikmah, nasihat dan pengajaran yang baik dan berdebat atau berbincang dengan cara yang baik. Sehubungan dengan itu juga, menurut Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim juga (2008), Allah SWT telah mengajar kepada manusia bahawa, terdapat tiga pendekatan yang asas bagi menyeru dan membimbing manusia ke arah kebaikan. Pendekatan asas ini ialah hikmah, nasihat dan pengajaran yang baik dan berdebat atau berbincang dengan cara yang baik bukannya mendatangkan keburukan atau perbalahan. Jika manhaj ini oleh pendakwah dengan sempurna ianya akan menjadi asas kepada kejayaan dakwah dan pencapaian matlamatnya.

8. Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah membuat analisis secara menyeluruh hasil daripada item soal selidik yang telah diedarkan. Analisis dibuat berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. Pada bahagian akhir bab ini pengkaji telah menggunakan nilai peratus dan min secara keseluruhan bagi menentukan aras ketinggian dan kerendahan sesuatu persoalan kajian yang dikaji untuk mengetahui tahap pencapaian matlamat kajian. Hasil dapatan kajian yang di jalankan menunjukkan responden yang dipilih untuk menjawab soal selidik ini adalah dalam kalangan mereka yang memahami isu yang berkaitan pendekatan *street dakwah* yang dijalankan kini. Responden memberikan kerjasama dan tidak beremosi apabila menjawab borang soal selidik ini. Majoriti responden bersetuju dengan kefahaman, pendekatan dan persepsi positif yang harus ada bagi seorang pendakwah dalam menjalankan *street dakwah* khususnya kepada bukan Islam. Sesungguhnya *street dakwah* yang dilaksanakan berlandaskan syarak ianya akan membawa kesan psikologi positif terhadap pengamalannya begitu juga sebaliknya. Secara kesimpulannya, responden memahami isu berkaitan *street dakwah* di samping mengetahui pendekatan bagi pelaksanaannya. Manakala, hasil dapatan kajian daripada soal selidik ini mendapati bahawa pelaksanaan dan pendekatan *street dakwah* melalui pendekatan secara hikmah, *mau'izah al-hasanah* dan *mujadalah al-husna* memudahkan menyampaikan dakwah kepada bukan Islam. Selain itu, *street dakwah* perlulah mengikut apa yang telah digariskan oleh Islam agar ianya dapat mewujudkan dakwah yang harmoni dan dapat diterima ramai.

9. Senarai Rujukan

al-Qur'an.

- Abdul Ghafar Don & Zulkiple Abd. Ghani. (2009). *Dakwah Kepada Non- Muslim di Malaysi Konsep, Metod& Pengalaman*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Ghani Samsudin. (2002). Ijtima' Ulama' Negeri Pahang pada 4 Jun 2002 Anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Pahang di Hotel Seri Malaysia. Temerloh Pahang.
- Ahmad Sunawari Long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*: Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Karim Zaidan. (1976). *Usul al-Da'wah*. Baghdad: Dar al-Bayan.
- Ab. Aziz Mohd. Zain.(2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah & Statistik Penyelidikan Buku 5, Ujian Regresi, Analisis Faktor & Analisis SEM*. McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Shah Alam :McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd.
- Fariza Md. Sham & Sulaiman Ibrahim. (2008). *Metodologi Dakwah*. Bangi: Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Fariza Md. Sham (2015), Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Remaja. *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 95-101.
- Ghazali Basri. (2004). *Gerakan Kristian. Ed. kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Halim Moktar. (2015). *Remaja & Tanggungjawab Dakwah*. Bicara Mufti Edisi 2015.
- Hansen H.H & Hauser H, P.M .(1971). *Are Sampling Some Principle Design In Frakin, B.J And Osborne, H.W, (ed) Research Method Issue And Insight*. California: Wadworth Publishing Company.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 1*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 2*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 3*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 5*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 6*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 7*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Hamka. (1999). *Tafsir Al-Azhar Jilid 8*. Pustaka Nasional PteLtd.
- Idris Awang.(2001). *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*, cetakan pertama, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Intel Multimedia dan Publication.
- Louis Cohen, Lawrance Manion & Keith Marrison.(2007). *Research Methods Education Edt 6*. New York : Rout ledge & Francis Group.
- Khairuddin Mohamad, Ibrahim Ysof & Zaridah Ramli. (2016). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Mohd Shah Che Ahmad. *Utusan Malaysia*. (2015). 3 Mac. *Transformasi Dakwah Mempunyai Sasaran tertentu, pendekatan Dakwah Jalanan Semakin Diterima Ramai*.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*. Edisi pertama. PTS Publications & Distributord Sdn. Bhd.
- Mustafaar-Rafie. (2004). *Dakwah & Keunggulan Para Daie*. Karisma Publication Sdn Bhd.
- Nordin Abd Razak, Nurhanim Saadah Abdullah & Mohamad Ismail Abd Aziz .(2015). *SPSS For Beginners*. Institute of Postgradaute Studies. Universiti Sains Malaysia.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng.(2009). *PreachingToThe Non-Muslim Chinese in Malaysia*. Gombak: IIUM Press.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk Penyelidikan*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rugayah Tibek.(2011). *Profesionlisme Dakwah : Harapan Dan Cabaran*. *Journal Al-Hikmah*, 3. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Zulkifle Aini. (2015). *Street Dakwah@Dakwah Jalana Aktiviti Mendekatkan Islam Kepada Masyarakat Awam*. *Edisi FOKUS Januari 2015 Vol 3*.